

31/10/1997

Malaysia, Slovenia jalin kerjasama dagang

Karim Sulaiman in Ljubljana, Slovenia

AHLI perniagaan Malaysia dan Slovenia bersetuju mengadakan kerjasama perdagangan lebih erat dalam usaha meningkatkan hubungan ekonomi di antara kedua-dua negara.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli, berkata ahli perniagaan Slovenia menunjukkan minat mendalam untuk melabur dan mengadakan kerjasama dengan rakan mereka di Malaysia.

Menurutnya, begitu juga dengan ahli perniagaan Malaysia yang mahu meneroka peluang perniagaan di negara itu.

"Bagaimanapun, pada peringkat ini belum ada penentuan bidang khusus kerjasama itu. Ahli perniagaan di antara kedua-dua negara akan membuat susulan daripada pertemuan mereka di sini," katanya.

Tajudin berkata pertemuan itu memberi kesan positif apabila ahli perniagaan Slovenia bersikap terbuka untuk menerima dan mengadakan kerjasama dengan ahli perniagaan Malaysia.

Ketika ini, katanya, kedua-dua pihak belum menetapkan bidang khusus kerjasama itu tetapi ahli perniagaan Malaysia sebagai permulaan boleh meneroka bidang yang ada kaitan dengan industri pelancongan seperti hotel dan pusat peranginan.

Tajudin yang mengetuai 25 ahli perniagaan Malaysia, Selasa lalu mengadakan pertemuan dengan ahli perniagaan Slovenia.

Mereka yang turut menghadiri taklimat mengenai peluang perniagaan di kedua-dua negara dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucapan di majlis itu.

Perdana Menteri berada di Slovenia sejak Isnin lalu kerana mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke negara itu.

Dr Mahathir dalam ucapannya, berkata peluang kerjasama perdagangan di antara Malaysia dan Slovenia sangat luas.

"Kita masing-masing mempunyai banyak kelebihan yang boleh diteroka oleh ahli perniagaan dan perdagangan kedua-dua negara.

"Ahli perniagaan Malaysia berminat meneroka peluang pelaburan di Slovenia dalam bidang seperti pembinaan infrastruktur, pembangunan hartanah dan pembuatan.

"Kemungkinan lain adalah dalam sektor perkhidmatan seperti perbankan dan kewangan, telekomunikasi, pengangkutan dan kegiatan berkaitan pelancongan," katanya.

Hubungan perdagangan Malaysia dan Slovenia adalah kecil. Tahun lalu, jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Slovenia berjumlah AS\$11.6 juta.

Eksport Malaysia ke negara itu pada tahun lalu bernilai AS\$8.7 juta dan import dari Slovenia pula bernilai AS\$2.9 juta.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, jumlah perdangan Malaysia dan Slovenia berjumlah AS\$21,717.

Pada masa ini, gas dan bekalan elektrik adalah eksport utama Solvenia ke Malaysia. Ini diikuti bahan perubatan, kertas, bahagian kenderaan motor, kepingan aluminium, peralatan elektro mekanikal, perkakas elektrik, kertas cetak, cerut dan peralatan mesin.

Import utama Solvenia dari Malaysia pula ialah getah asli yang bernilai AS\$12,050,000 atau 47.6 peratus daripada eksport Malaysia ke negara itu pada tahun lalu.

Ini diikuti mesin automatik memproses data, peralatan penerimaan komunikasi, kereta, litar elektronik bersepadu, alat perakam video, kasut dan perabot.

Sementara itu, Tajudin berkata MAS merancang akan mengadakan perkhidmatan ke Solvenia.

Menurutnya, MAS akan mengadakan perbincangan lanjut dengan syarikat penerbangan nasional negara ini, Adria Airways bulan depan mengenai perkara itu.

Kelmarin, Malaysia dan Slovenia menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara bagi membolehkan kedua-dua syarikat penerbangan nasional masing-masing mengadakan perkhidmatan di kedua-dua negara.

Perjanjian itu ditandatangani Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Pengangkutan dan Telekomunikasi Slovenia, Anton Bergauer.

(END)